

MEROSOTNYA PENGARUH HINDU-BUDDHA DI KEDAH TUA: SATU ANALISIS POLITIK DAN BUDAYA

“DECLINE IN HINDU-BUDDHIST INFLUENCES IN KEDAH: ANALYSIS ON POLITICS AND CULTURE”

Muhammad Termizi Hasni, Muhamad Shafiq Mohd Ali & Zuliskandar Ramli

Abstrak

Kedatangan agama Islam di Kepulauan Melayu menyebabkan masyarakat tempatan mula meninggalkan ajaran dan amalan agama terdahulu seperti Buddha-Hindu. Kemerosotan agama tersebut juga berlaku di negeri Kedah sewaktu kemasukan Islam di negeri itu. Peranan raja sebagai ketua negeri menjadi pemangkin dalam penyebaran Islam di negeri Kedah. Ini boleh dilihat dalam teks Hikayat Merong Mahawangsa dan At-Tarikh Silsilah Negeri Kedah. Selain peranan raja sebagai ketua negeri, tinggalan artifak budaya seperti batu nisan jenis batu Aceh menjadi bukti kedatangan Islam dan masyarakat tempatan telah meninggalkan amalan ajaran agama terdahulu. Faktor politik dan budaya ini dapat menunjukkan kemerosotan dalam pengaruh Hindu-Buddha dalam sistem pentadbiran dan amalan kehidupan masyarakat setempat.

Kata kunci: Islam Kedah, politik, batu nisan Aceh

Abstract

The arrival of Islam in the Malay Archipelago caused the local community to abandon the teachings of earlier religions such as Buddhism and Hinduism. The religious decline also occurred in the state of Kedah during the inclusion of Islam in the state. The role of the king as head of state became a catalyst in the spread of Islam in the state of Kedah. This can be seen in the Hikayat Merong Mahawangsa and At-Tarikh Silsilah Negeri Kedah texts. Besides the role of the king as the head of state, the remains of cultural artifacts such as Aceh tombstone proved the arrival of Islam and the local community further abandoned the practice of past religious teachings. Political and cultural factor may indicate a deterioration in Hindu-Buddhist influence in administrative and daily practice of the local community.

Keywords: *Islam in Kedah, politics, Aceh tombstone*

PENGENALAN

Peranan pemerintah dalam penyebaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu bukan saja dapat dilihat pada hari ini akan tetapi telah bermula sejak awal abad Masihi. Bangsa Melayu telah melalui beberapa peringkat penyerapan agama yang dapat ditelusuri dalam empat peringkat utama iaitu pertama; kepercayaan animisme, kedua; ajaran agama Buddha, ketiga; ajaran agama Hindu dan yang terakhir ajaran agama Islam. Ajaran Animisme bermula sejak zaman prasejarah. Selepas awal abad

Masihi agama Buddha dan Hindu telah sampai di Semenanjung Tanah Melayu dari India dan tertumpu di kota-kota besar di utara Semenanjung tanah Melayu, seperti di Lembah Bujang Kedah. Selepas kurun ke-14 Masihi, terutamanya di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, penyebaran agama Islam berlaku dengan pesat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Perkembangan tersebut memberi gambaran bahawa orang Melayu begitu mesra dengan penerimaan agama dalam budaya hidup mereka.

Agama-agama seperti Buddha, Hindu dan Islam memberi penekanan adab-adab norma yang baik dan teratur dalam perjalanan hidup seseorang insan dengan masyarakat dan juga hubungan insan dengan tuhan kepercayaan mereka. Kemesraan dan sifat kekeluargaan dalam beragama yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu kepada agama lain pada masa kini berkait-rapat dengan kronologi sejarah kemasukan agama di Semenanjung Tanah Melayu apabila pengalaman bangsa Melayu itu sendiri pernah mengamalkan ajaran animisme, Buddha, Hindu dan akhirnya Islam. Kajian arkeologi di Malaysia turut menyentuh perihal upacara keagamaan sebagai perbandingan peradaban bangsa.

Penemuan arca agama juga menjadi salah satu cara untuk mendapatkan pentarikhan relatif kerana ia adalah jumpaan yang bersifat universal serta mudah dibandingkan dengan jumpaan di tempat lain. Bentuk keagamaan sebelum kedatangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu adalah sama dengan kepulauan-kepulauan yang wujud di Nusantara dan Tanah Besar Asia Tenggara. Walaupun begitu agama yang masuk ke setiap kepulauan Nusantara berbeza daripada segi pentarikhan dan kewujudannya. Kepulauan-kepulauan ini merujuk kepada pulau yang berada di antara laluan perdagangan di antara India dan China.

KEPERCAYAAN ANIMISME DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Menurut Nik Hassan Shuhaimi (2008) tinggalan kesan petempatan manusia paling awal di Malaysia berusia 70,000 tahun dahulu di tapak-tapak hunian gua, persekitaran terbuka dan juga persekitaran hutan. Masyarakat pada zaman Hoabinhian mengamalkan kebudayaan mengumpul hasil-hasil hutan dan memburu binatang (Adi Taha 1985). Apabila bermulanya zaman Neolitik, mereka mula menyesuaikan diri dengan persekitaran terbuka dan menetap lama di sesebuah kawasan serta sudah mula bercucuk tanam. Corak penempatan yang berubah-ubah daripada zaman ke zaman tidak mengubah kepercayaan mereka terhadap pemujaan roh nenek moyang, alam sekitaran dan perkara ghaib. Kepercayaan ini masih lagi dapat dilihat sehingga kini apabila kesan-kesan upacara pengebumian serta bentuk pengebumian masih lagi kekal dan menjadi bahan kajian para sarjana arkeologi. Beberapa contoh tapak Hoabinhian di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah Gua Cha, Gua Peraling, Gua Tengun Lembu (Tengku), Guar Kepah dan tapak Gua Bewah.

Carigali di tapak-tapak ini telah menemukan rangka manusia yang dikebumi mengikut adat pengebumian pada masa lampau. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam bidang arkeologi menjumpai terdapatnya lapisan kebudayaan Neolitik di tapak hunian kebudayaan Hoabinh. Penemuan bekal kubur seperti alatan memburu, tembikar, manik, tulang belulang binatang dan juga perkuburan turut ditemui bersama rangka manusia yang ditanam. Sieveking telah merumuskan bahawa budaya Hoabinh dan Neolitik mempunyai cara pengebumian yang berbeza daripada segi bentuk pengebumian (Sieveking 1955:92). Adi Taha pula menyatakan bahawa ragamhias tembikar dan teknologi batu berasal daripada tradisi yang tidak terdapat perbezaan yang nyata daripada kebudayaan Hoabinh dan Neolitik (Adi Taha 1985). Namun, Adi Taha tidak meyanggah pendapat Sieveking mengenai perbezaan cara pengebumian mayat di antara dua zaman ini. Pada tahun 1996, tapak Gua Bewah di Terengganu telah diekskavasi oleh sekumpulan pengkaji dari Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Muzium dan Antikuiti dan Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan disambung semula pada tahun 2009 dengan membuka lima petak galicari (Yusof Abdullah et al. 2010: 93). Sepanjang galicari yang dilakukan, beberapa artifak kebudayaan Hoabinh dan rangka manusia telah ditemui. Salah satu petak yang dibuka ialah Petak K. Petak ini paling banyak ditemui alat batu yang sesuai untuk kegunaan upacara ritual pengebumian. Fakta ini

dikuatkan lagi adanya dua buah batu besar yang bertindak selaku pelapik yang terletak bertentangan di kiri dan kanan berhampiran alat batu yang ditemui dalam keadaan bertindih.

Gua Cha pula merupakan gua lindungan batu di sebuah kompleks bukit batu kapur yang terletak 100 meter dari Sungai Nenggiri, ke arah hulu sungai Perias. Tapak ini telah dilakukan galian oleh H.D. Noone pada 1935, William-Hunt pada 1951, Sieveking dan isterinya pada 1954 dan disambung oleh Adi Taha pada 1980. Gua Cha mempunyai garisan stratigrafi yang terpanjang di Semenanjung Tanah Melayu. Secara kasarnya, gua ini telah didiami sejak 6000 SM untuk tahap pertengahan zaman Hoabinhan dan pada 3000 SM tahap pemisah di antara dua zaman Hoabinhan-Neolitik dan pada 1250 SM telah memasuki zaman Neolitik (Nik Hassan Shuhaimi 1987). Beberapa tapak pengebumian menunjukkan si mati telah ditanam bersama-sama barang iringan kubur seperti tembikar, alat batu dan sisa makanan.

Ekskavasi di Pulau Kelumpang oleh Nik Hassan Shuhaimi telah membawa kepada penemuan 5 buah tapak perkuburan terbuka masyarakat prasejarah. Penyelidikan ini telah menemui rangka manusia yang berasosiasi dengan barangan iringan kubur seperti manik, tembikar tanah, barangan perhiasan daripada batu dan cangkerang serta makanan. Kesemua rangka ini dikebumikan secara pengebumian melintang. Jumpaan rangka, yang dipercayai pada usia remaja di tapak Kelumpang 1 dikebumikan bersama-sama dengan dua biji tembikar di bahagian kepalanya (Nik Hassan Shuhaimi 1988).

Jumpaan tapak pengebumian berserta alat-alat persembahan sebagai bekal kubur yang ditanam bersama mayat membuktikan masyarakat pada ketika itu mengamalkan ajaran animisme sebagai amalan ritual mereka. Nik Hassan Shuhaimi telah menolak pandangan Evans (1932) yang menyatakan bahawa masyarakat Kuala Selinsing menganuti agama Hindu apabila jumpaan cop Pallava dan cincin emas berimej Vishnu menunggang garuda ditemui di kawasan tersebut. Nik Hassan Shuhaimi berpandangan, jumpaan cop Pallava dan cincin berimej Vishnu ini hanyalah hadiah kepada ketua masyarakat sebagai tanda penghormatan terhadap kedudukan tertinggi dalam sistem sosial masyarakat Pulau Kelumpang (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi 2012). Hadiah ini menunjukkan masyarakat Pulau Kelumpang telah melalui zaman yang lebih lama dari kawasan Lembah Bujang kerana bentuk pengebumian prasejarah telah wujud di Kuala Selinsing. Walaupun mereka menjalin hubungan perdagangan dengan masyarakat di Lembah Bujang, tetapi mereka masih lagi mengamalkan ajaran animisme dan bukan ajaran Hindu atau Buddha.

Corak pengebumian awal di tapak ini memiliki persamaan dengan pengebumian masyarakat Neolitik. Cara pengebumian mayat secara melunjur atau menegak diamalkan di samping bekal kubur turut disertakan. Pengebumian sekunder menggunakan sampan turut diamalkan oleh masyarakat di kawasan ini.



Gambar 1. Struktur rangka manusia Hoabinhan yang ditanam secara melipat (*flexed*) di Gua Bewah, Hulu Terengganu.

Sumber: Mohd Yusof Abdullah: 2010.



Gambar 2. Struktur rangka manusia Neolitik yang ditanam secara menegak di Gua Cha
Sumber: Adi Taha: 1985.

BUDDHA SEBAGAI AGAMA MASYARAKAT MELAYU

Kepercayaan terhadap kehidupan selepas mati oleh masyarakat awal di Semenanjung Tanah Melayu memberikan satu gambaran bahawa masyarakat tempatan pada ketika itu juga telah mempunyai kepercayaan tersendiri sama seperti masyarakat yang berada di kawasan lain. Teori yang menyatakan masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu berkembang selepas kedatangan pedagang sama sekali tidak benar. Kehadiran pedagang hanya memakmurkan dan juga membantu ekonomi masyarakat yang telah sedia. Masyarakat yang menetap di beberapa pelabuhan utama di sepanjang Selat Melaka dan Pantai Timur Semenanjung didapati berkembang dari Zaman Prasejarah dan aktiviti perdagangan antara pesisir dengan pedalaman telah berlaku sejak Zaman Neolitik lagi (Hall 1985; Zuliskandar Ramli 2012). Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2004: 16) menyatakan perdagangan prasejarah mungkin wujud pada 10 ribu tahun yang lalu. Perdagangan ini berlaku antara masyarakat pesisiran-pedalaman Semenanjung Tanah Melayu.

Agama Buddha mudah diserapkan dalam masyarakat Melayu yang pada ketika itu masih mengamalkan konsep asas kepercayaan terhadap roh dan kehidupan selepas mati. Ajaran Buddha yang berkonsepkan meditasi serta melarang penganutnya menyembah atau mendewa-dewakan Buddha. Buddha hanya mahukan pengikutnya mengikut segala ajaran dan kebaikan nilai yang dibawa. Ini kerana ajaran Buddha membawa nilai baik dan bersifat universal. Oleh kerana ia tidak menyongsang daripada kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat Melayu yang mengamalkan animisme sebelum itu, ia mudah diterima sebagai satu panduan hidup yang baharu. Buddha tidak hanya mengajak pengikutnya mengamalkan ajaran yang dibawa, tetapi mereka juga perlu berpegang kepada tiga teras kepercayaan utama dalam menuju matlamat kehidupan sebenar iaitu Nirwana. Lamb (1961) menyatakan bahawa telah bertapak pengaruh Buddha di Lembah Bujang dengan terjempanya Inskripsi Buddhagupta.

Nik Hassan Shuhaimi (1984) menegaskan bahawa agama Buddha telah bermula sejak abad ke-6 hingga pertengahan abad ke-11 Masihi. Penemuan arca Buddha di Lembah Bujang memberikan bukti bahawa ajaran Buddha telah wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Arca yang dijumpai dianggarkan berumur sekitar abad ke-5/6 Masihi hingga ke-9 Masihi yang telah direkodkan dalam penulisan Nik Hassan Shuhimi (1984). Malahan jumpaan kalam di Sungai Mas (Zuliskandar Ramli 2012) memberi satu lagi petunjuk kewujudan penerimaan agama Buddha di Semenanjung Tanah Melayu. Kalam semah Buddha Mahayana juga ditemui di Gua Chawas, Kelantan. Ia mungkin berasal dari Zaman Srivijaya yang berkuasa dari abad ke-7 hingga ke-11 Masihi (Adi Taha 2007).

Kehadiran pedagang-pedagang awal abad Masihi bukan saja berdagang malah turut diikuti para mubaligh bertujuan untuk berdakwah. Kehadiran pedagang memakan masa yang lama di sesuatu tempat bagi menunggu pertukaran arah angin untuk berlayar. Oleh sebab itu berlaku proses penyesuaian kepada kebudayaan dan keagamaan. Kemungkinan besar arca Buddha yang wujud di sekitar abad ke-5 bukanlah sebagai persembahan akan tetapi merupakan satu bentuk tatapan cara seorang Buddha bermeditasi. Malah candi Buddha yang wujud di sekitar Lembah Bujang merupakan antara tempat mereka bermeditasi. Arca-arca yang ditemui terdiri daripada imej Buddha, Avalokitesvara dan Hariti.

Agama Hindu dalam masyarakat Melayu

Penyerapan agama Hindu dalam alam Melayu boleh dibuat pentarikhan bermula pada abad ke-10/11 Masihi sehingga abad ke-14 Masihi berdasarkan penemuan candi berorientasikan keagamaan Hindu. Candi Hindu agak mudah dikenal pasti apabila candi tersebut mempunyai “vimana” dan “mandapa” dimana terdapat dua bahagian ruang pada candi tersebut. Arca keagamaan Hindu turut ditemui bersama candi seperti ini. Arca dan candi Hindu ini diberi pentarikhan pada abad ke-10 atau ke-11 Masihi berdasarkan artifak seramik Song yang dijumpai berasosiasi sama dengan struktur candi. Sebelum abad ke-10 Masihi tidak ada bukti yang menunjukkan raja yang memerintah kerajaan di Asia Tenggara menganggap diri mereka sebagai dewa atau jelmaan tuhan. Perubahan berlaku selepas abad ke-10 Masihi apabila raja yang memerintah itu dianggap sebahagian daripada dewa dan mempunyai sifat-sifat kedewaan. Ini dapat dilihat dalam beberapa buah inskripsi yang dijumpai di Indonesia dan Champa serta Khmer (Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi 2012) yang menerangkan sifat dan sikap raja yang agung. Pada abad seterusnya ia terus menjadi ikutan sehingga raja menganggap mereka adalah setaraf dengan dewa Buddha dan Hindu. Ini kerana roh-roh raja dipuja dan arca dibina sebagai jelmaan dewa serta dijadikan sembah. Ada kemungkinan candi-candi yang wujud di Lembah Bujang adalah untuk upacara yang dinyatakan tadi. Ini kerana terdapat cepu batu yang mempunyai peripih dan abu-abu mayat yang dijumpai diletakkan di tengah candi. Kedudukan cepu batu di tengah halaman *vimana* candi berkemungkinan di dalamnya adalah abu para *bhiksu* ataupun keturunan pemerintah.

Kepercayaan Hindu wujud di sekitar Semenanjung Tanah Melayu hasil pembawakan daripada golongan bangsawan dan juga golongan pemerintah. Ini kerana kepercayaan Hindu mempunyai sistem hierarki daripada golongan atasan sehingga kepada golongan hamba (Nilakanta Sastri 1949). Ini memberikan kelebihan kepada sistem beraja kerana meninggalkan kesan dengan membantu dalam kestabilan negara apabila rakyat menghormati raja sebagai dewa. Konsep Devaraja, raja dianggap sebagai tuhan, dan ada yang percaya raja adalah titisan dewa-dewa Hindu, Siva atau Wisnu. Pusat pemerintahan di Lembah Bujang yang beralih ke Pangkalan Bujang sekitar abad ke-11 hingga abad ke-14 memberi gambaran bahawa pemerintahan yang berlandaskan agama Hindu mula wujud dan membangun di sekitar kawasan tersebut.

Candi dan arca berunsur ajaran Hindu banyak ditemui di kawasan Pangkalan Bujang. Masyarakat yang sedia ada mula beralih kepercayaan agamanya kepada Hindu atas desakan untuk memajukan Pangkalan Bujang dan ada kemungkinan masyarakat dari luar Lembah Bujang turut menetap di sekitar kawasan Pangkalan Bujang dan mentaati pemerintahan pada ketika itu. Lamb (1961:78-69) menyatakan era perkembangan Pangkalan Bujang dianggarkan sekitar abad ke-11 Masihi dan menjadi sebuah pusat perdagangan serantau serta menjadi entrepot yang sibuk. Selain daripada pusat perdagangan, di sekitar Pangkalan Bujang juga merangkumi kawasan penempatan seperti Sungai Bujang, Sungai Merbok, Batu Lintang dan Tikam Batu.

Pandangan Lamb disokong oleh Nik Hassan Shuhaimi (1984) dan menambah bahawa ajaran Siwa telah berkembang semula di sekitar Pangkalan Bujang terutama di bahagian tengah dan atas Sungai Bujang serta di sepanjang Sungai Merbok. Dalam menyelusuri agama Hindu di Semenanjung Tanah Melayu, bukti arkeologi amat penting untuk menunjukkan kedatangan Hindu ke Semenanjung Tanah Melayu dan bagaimana kaedah pembawakan agama tersebut dalam masyarakat tempatan. Agama Hindu terkenal di kawasan Nusantara termasuk Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatra Barat di mana kedua kawasan ini terkenal sebagai kawasan yang masyarakatnya

pernah menganut agama Buddha Mahayana sebelum ini. Hindu di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatra terkenal dengan penyembahan Wisnu, Siwa, Brahma, Surya, Ganesa, Siva-Guru dan Lingga. Walau bagaimanapun arca dewa seperti Brahman, Wisnu dan Siwa tidak dijumpai di Lembah Bujang berkemungkinan disebabkan ianya dibuat daripada bahan yang mudah rosak akibat tindakan alam ataupun dimusnahkan selepas kedatangan Islam. Bukti arca Hindu-Buddha yang dirosakkan selepas kedatangan Islam dapat dilihat dalam Hikayat Merong Mahawangsa dan At-Tarikh Silsilah Negeri Kedah yang menyatakan selepas Raja Phra Ong Mahawangsa atau Seri Paduka Maharaja Durbar Raja memeluk Islam, beliau mengarahkan semua berhala di dalam istana dikumpulkan kemudian dimusnahkan sehingga menjadi serbuk sebelum dibakar.

Keislaman Masyarakat Melayu

Islam merupakan agama yang mengajak manusia mempercayai zat-zat kekuasaan Allah, Tuhan yang menguasai alam ini serta mempercayai para rasul terutamanya Nabi Muhammad (SAW). Penyebaran Islam berjaya diserapkan ke dalam masyarakat Melayu oleh pendakwah terawal pada suatu ketika dahulu. Sifat orang Melayu yang terkenal dengan sifat ramah dan keterbukaan kemungkinan menjadikan agama Islam mudah diserap dalam kalangan masyarakat tempatan. Malah kepercayaan Islam yang dibawa dari luar hampir sama sahaja pendekatannya dengan kepercayaan yang mereka anuti sebelum ini iaitu ajaran Buddha yang pernah dianuti oleh nenek moyang mereka sebelum kedatangan agama Hindu di mana mereka tidak menyembah mana-mana berhala atau Buddha itu sendiri.

Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1969), orang-orang Islam di Canton Cina telah berhijrah ke Nusantara pada awal abad Hijrah iaitu abad ke-7 Masihi. Golongan ini telah berhijrah menuju ke selatan iaitu kepulauan Nusantara. Tempat yang dituju adalah Palembang dan Kedah. Berdasarkan pandangan al-Attas, dapat diberikan kesimpulan awal bahawa Palembang dan Kedah telah diduduki oleh masyarakat Islam yang berasal dari Cina. Mereka ini berkemungkinan para pedagang yang menjalankan perniagaan di kawasan tersebut dan juga mempunyai niat untuk memperkembangkan agama Islam yang telah mereka anuti kepada penduduk tempatan yang pada waktu itu terkenal dengan menganut agama Hindu-Buddha. Walaupun pendapat ini menganggap Islam telah tiba di Kedah pada abad ke-7, namun tiada bukti kukuh menyokong pendapat ini. Ini kerana, jika masyarakat tempatan telah mula menganut Islam, pasti telah ditemui makam-makam orang Islam sejak abad ke-7 itu lagi. Namun apa yang dapat dilihat adalah dalam abad ke-7 hinggalah abad ke-11, sebahagian besar Nusantara ini sangat terpengaruh dengan beberapa buah kerajaan lama yang bersifat Hindu-Buddha (Othman & Halim 1990: 12).

H.M. Zainuddin dalam bukunya 'Tarikh Acheh dan Nusantara I' menyatakan dalam tahun 82 H (717 M), satu ekspedisi terdiri daripada 33 buah kapal dari Parsi yang dipimpin oleh Zahid membawa rombongan pendakwah Islam untuk mengembangkan Islam ke China, Srivijaya, Kedah, Siam, kemboja dan Sumatera Utara. Selain itu, Ibnu Khordazbeh (844-846) dalam kitabnya 'Al-Masalik wa Al-Mamalik' menyebutkan tentang raja Zabaj yang bergelar Maharaja dan di Kedah telah terdapatnya masyarakat Islam pada 846 M. Pendudukan masyarakat Islam di Kedah juga boleh dibuktikan dengan penemuan wang dirham Baghdad zaman Khalifah Al-Mutawakil bertarikh 848 M (Abdul Rahman 1981). Masyarakat Islam di Kedah pada waktu ini mungkin merupakan pedagang yang sedang menunggu pertukaran angin monsun atau yang sedang berdagang. Tetapi di sini jelas bahawa masyarakat tempatan sudah melihat kebudayaan Islam sejak dari awal lagi sebelum masyarakat tempatan menganut agama Islam.

Beberapa artifak dapat melambangkan kedatangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu seperti batu bersurat, batu nisan dan juga binaan masjid. Batu Bersurat Terengganu memberi keterangan mengenai pemerintah Islam yang bernama Mandalika (Othman & Abdul Halim 2007). Bahagian sebelah atas batu bersurat itu telah patah dan bahagian yang tinggal berbentuk kuboid, tetapi kuncup ke bawah, dengan ukuran tinggi 84cm, dan berat 214.8 kg. Mengenai jenis batu tersebut pula, ada yang mengatakan bahawa batu bersurat tersebut merupakan batuan granit. Batu bersurat Terengganu telah dipahat pada 22 Februari 1303 menurut kajian yang dilakukan oleh Syed Muhammad Naquib al Attas (Othman & Abdul Halim 2007).

Catatan yang tertulis dalam huruf Jawi berbahasa Melayu pada awal abad ke-14 Masihi yang tentunya sarat dengan pengaruh bahasa Sanskrit menerangkan tentang hukum Islam ke atas orang yang membuat salah di sisi agama Islam, seperti hukuman terhadap isteri atau suami yang berzina dan sebagainya. Bukti wujudnya tulisan jawi pada Batu Bersurat Terengganu menunjukkan Islam telah bertapak di Terengganu pada abad ke-14. Tulisan pada batu bersurat tersebut menggambarkan masyarakat ketika itu telah menganut agama Islam dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian mereka. Walau bagaimanapun, asal kedatangan Islam, pemahat batu bersurat, tempat asal tulisan dicipta dan ketika pemerintahan siapa masih lagi tidak diketahui.



Gambar 3. Batu bersurat Terengganu yang disimpan di Muzium Negeri Terengganu
Sumber: Muzium Terengganu

Kemasukan agama Islam di negeri Kedah boleh dilihat pada dua sumber bertulis iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa* dan juga *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Terdapat persamaan tentang cara kedatangan Islam di negeri Kedah jika berpandukan kepada kedua teks ini. Jika dilihat pada kedua teks ini, kedatangan Islam ke negeri Kedah dibawa oleh Sheikh Abdullah Yamani. Cuma terdapat perbezaan kaedah bagaimana kedatangan Sheikh Abdullah Yamani ke negeri Kedah dalam kedua teks utama ini.

Jika dirujuk kepada *Hikayat Merong Mahawangsa*, Islam datang ke negeri Kedah bersama seorang wali Allah bernama Sheikh Abdullah al-Yamani yang diberi tongkat oleh gurunya di Baghdad supaya orang tidak boleh melihat beliau bersama iblis. Sheikh Abdullah telah mengikut iblis melalui beberapa buah tempat untuk menyesatkan ramai manusia. Sheikh Abdullah mengikut iblis tersebut hanya untuk melihat pekerjaan syaitan menghasut dan menyesatkan manusia dengan syarat Sheikh Abdullah tidak boleh mempersoalkan segala tindakan iblis tersebut.

Iblis telah membawa Sheikh Abdullah ke dalam istana Raja Phra Ong Maha Wangsa di Bukit Meriam. Dalam istana iblis telah mengencingkan minuman arak yang sedang dituang ke dalam gelas raja. Sheikh Abdullah telah menegah dan memarahi iblis kerana bertindak sedemikian. Oleh sebab tegahan Sheikh Abdullah terhadap iblis tersebut, terjadilah pergaduhan antara iblis dan Sheikh yang menyebabkan iblis memukul dan merampas tongkat Sheikh. Disebabkan terlepasnya tongkat tersebut daripada tangan Sheikh, ternampaklah Raja Phra Ong Maha Wangsa akan tubuh badan Sheikh Abdullah Yamani dalam bilik tidurnya. Sheikh Abdullah Yamani menerangkan kepada Raja Phra Ong Maha Wangsa kisah perjalanannya dengan iblis sehinggalah ke peristiwa iblis mengencingkan air arak minuman Raja. Setelah itu, Raja Phra Ong Maha Wangsa mendengar kisah tentang agama Islam dan baginda pun memeluk agama Islam dengan segala ajaran oleh Sheikh Abdullah Yamani dengan menggunakan gelaran Sultan Muzaffar Shah.

Jika diteliti sumber kedua iaitu *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, cara Sheikh Abdullah datang ke Kedah adalah melalui kapal yang dipanggil *beghalah*. Beliau dan sebelas orang rakannya diperintahkan oleh guru mereka untuk menyebarkan agama Islam. Pada tahun 531 H/1136 M, tibalah mereka di negeri Qalha sewaktu itu. Setibanya Sheikh Abdullah di Qalha, beliau masuk istana untuk menghadap Seri Paduka Maharaja Durbar Raja menzahirkan hukum-hukum Islam. Oleh yang demikian, dapatlah dibuat kesimpulan berdasarkan teks ini bahawa Islam masuk ke negeri Kedah pada 1136 M.

Menurut *Hikayat Merong Mahawangsa*, perkara pertama yang dilakukan oleh Raja Phra Ong Mahawangsa selepas mengucap kalimah syahadah adalah membuang semua simpanan arak baginda dalam istana. Setelah itu, baginda mengarahkan kesemua berhala yang terdapat di dalam istana dikumpulkan di hadapan Sheikh Abdullah untuk dipecahkan sehingga menjadi serbuk sebelum dibakar. Selepas itu, baginda mengarahkan semua isteri dan dayang dalam istana untuk memeluk agama Islam. Selepas itu diarahkan menteri berempat untuk memeluk Islam. Setelah itu barulah rakyat jelata yang lain diarahkan untuk memeluk agama Islam. Setelah semua rakyat Raja Phra Ong Mahawangsa memeluk agama Islam, barulah baginda menukar namanya mengikut nasihat yang diberikan oleh Sheikh Abdullah dengan menggunakan gelaran Sultan Muzaffar Shah. Penggunaan nama sultan ini adalah disebabkan pada waktu itu Dinasti Seljuk berketurunan Turki di bawah Khalifah Abbasiah telah mendirikan kerajaan Bizantin pada 1091 dan mereka menggunakan gelaran Sultan kepada khalifah mereka.

Selain daripada beberapa perkara yang telah disebutkan, Sheikh Abdullah telah diberikan kepercayaan penuh untuk menguruskan hal ehwal agama Islam di Kedah. Terdapat beberapa perkara yang dilakukan oleh beliau sebelum beliau pulang semula ke Baghdad untuk bertemu dengan gurunya. Antara lain pekerjaan Sheikh Abdullah di Kedah adalah pembinaan masjid dalam setiap mukim supaya mudah masyarakat setempat mengaji agama dan solat. Selain itu, Sheikh Abdullah telah menetapkan solat lima waktu, solat Jumaat dan solat hari raya. Beliau juga mengarahkan supaya penentuan masuknya waktu solat pada setiap waktu adalah dengan memukul gendang dan gong. Pada bulan Ramadhan diarahkan agar berpuasa dan membayar zakat fitrah serta menyarankan agar zakat-zakat yang juga dibayar. Bagi mengingatkan dan mengasihani rakyat yang susah, ibadah korban dengan penyembelihan lembu atau kerbau dianjurkan.

Bagi *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tidak banyak dibincangkan perkara yang dilakukan setelah Seri Paduka Maharaja Derbar Raja memeluk Islam. Setelah lima tahun, dakwah yang dilakukan semakin berkembang dengan semakin ramai rakyat memeluk agama Islam. Setelah itu barulah Sheikh Abdullah memohon agar ditukar nama gelaran raja daripada Seri Paduka Maharaja Derbar Raja kepada Sultan Muzaffar Shah dengan serta-merta menukar nama negeri daripada Qalha kepada Kedah Darul Aman. Ini bertentangan dengan cerita yang terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* kerana Raja Merong Mahawangsalah yang menamakan negeri ini kepada Kedah Zamin Turan. Setelah itu Sheikh Abdullah memohon perkenan Sultan Muzaffar Shah agar nobat dimainkan pada setiap hari Jumaat untuk menandakan Jumaat hari yang mulia dan nobat juga perlu dimainkan pada setiap sebelum waktu solat fardu 5 waktu. Setelah itu, Sultan Muzaffar Shah mengarahkan pembinaan menara masjid dibina di puncak Gunung Jerai dengan pantauan Sheikh Abdullah.

Kedua-dua sumber ini membuktikan bahawa Islam yang datang ke Kedah bukanlah dari Pasai, Aceh atau Melaka walaupun terdapatnya sebutan penulis *Hikayat Merong Mahawangsa* terhadap pemberian kitab sebagai panduan daripada Sheikh Nuruddin di Aceh kepada Sheikh Abdullah untuk diterangkan kepada masyarakat Kedah. Pemberian kitab ini bukanlah penanda Islam yang datang itu dari Aceh tetapi sekadar menjadi panduan kepada masyarakat Kedah kerana Islam telah bertapak sebelum pemberian kitab panduan itu lagi. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Kedah adalah lebih jelas dan nyata apabila Islam itu datang melalui kedatangan para penyebar agama itu sendiri, bukan secara mimpi (*Hikayat Raja Pasai* dan *Sulalatus Salatin*), perang (*Hikayat Banjar*) dan juga penyembuhan penyakit (*Hikayat Patani*).

Apa yang boleh dilihat di sini adalah bagaimana tindakan pemerintah iaitu Sultan Muzaffar Shah setelah baginda memeluk agama yang baru. Dengan serta-merta, ajaran agama lama terus ditinggalkan. Ini boleh dibuktikan dengan tindakan Raja Phra Ong Maha Wangsa yang membuang semua araknya di dalam istana sebelum kerabat terdekat lain memeluk agama Islam. Di sini jelas kepatuhan kepada agama Islam lebih diutamakan.

Ibrahim Ismail (1987) dalam bukunya yang bertajuk *Sejarah Kedah Sepintas Lalu* menyatakan tentang penulisan Hikayat Merong Mahawangsa. Beliau menyatakan Raja Kedah yang pertama adalah Merong Maha Wangsa, seorang raja yang menjadi duta kepada Maharaja Rom untuk membawa puteranya berkahwin dengan Puteri Maharaja China. Rauf (1967:71) menyatakan bahawa Rom yang dimaksudkan tersebut merupakan wilayah Empayar Parsi iaitu 'Rom Orient' yang sudah pun menerima Islam sejak zaman Khalifah ar-Rashidin. Bagi masyarakat Arab, Rom merupakan wilayah kerajaan Bizantin di utara Parsi. Dalam kawasan inilah orang-orang Parsi dan orang Turki bersilih ganti membangunkan beberapa buah kerajaan Islam yang kuat. Oleh yang demikian, Haji Ibrahim menyatakan bahawa Raja Kedah yang pertama adalah orang yang sudah kenal dengan Islam dan ajaran Nabi Muhammad.

Selain itu, Ibrahim turut menghujahkan bahawa Maharaja Derbar Raja telah membina istananya di Kota Langkasuka di Sok, kira-kira 60 batu ke timur Gunung Jerai. Di dalam Hikayat Merong Mahawangsa juga ada menyatakan Merong Maha Wangsa telah membina istananya di timur Gunung Jerai sama seperti yang tertulis dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Perpindahan istana daripada berhampiran Sungai Merbok kepada Kota Langkasuka menunjukkan seolah-olah baginda ingin menjauhkan diri daripada pusat-pusat pemujaan dan kegiatan orang-orang Hindu-Buddha yang banyak terdapat di Lembah Bujang kini. Selain itu, Ibrahim menyatakan tentang Raja Merong Mahawangsa yang telah berkahwin dengan seorang gadis daripada kaum gergasi di samping beliau sendiri menggalakkan rakyatnya berkahwin campur. Perkahwinan campur bukanlah pegangan atau tradisi masyarakat beragama Hindu.

Oleh yang demikian, hujah-hujah yang diberikan oleh Ibrahim menyatakan bahawa pegangan Hindu-Buddha telah pun merosot sebelum kedatangan Sheikh Abdullah lagi. Raja Merong Mahawangsa telah pun mula meninggalkan amalan kebiasaan yang dilakukan pada zaman kegemilangan Hindu-Buddha.

Selain daripada bukti tulisan dua teks yang dinyatakan, terdapat catatan pada batu nisan Ratu al-Ala di Pasai menyebutkan tentang Kedah termasuk di bawah takluk dan pemerintahan Pasai. Ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pengaruh Islam melalui Pasai pasti sampai juga ke Kedah dan jika benar-benar terjadi, dalam abad ke-14 sudah ada orang Islam di Kedah. Golongan ini mungkin terdiri daripada pedagang yang berasal dari Pasai, yang kemudian berkahwin dengan masyarakat tempatan lalu bermastautin di negeri Kedah ataupun sudah ada penduduk jati Kedah yang telah diislamkan oleh pedagang yang berdagang di Kedah kemudian melakukan kerja-kerja dakwah kepada masyarakat setempat.

Batu Nisan Aceh

Rujukan awal tentang batu nisan Islam yang kini dipanggil batu Aceh dipercayai mula muncul pada abad awal kurun ke-16 iaitu berdasarkan catatan yang dibuat oleh Tome Pires yang menyatakan nama Sultan Mansur Shah iaitu sultan kelima yang memerintah Melaka bermula dari 1459 hingga tarikh kemangkatan baginda (882 H atau 1477 M) ada tercatat pada batu nisan tersebut (Othman bin Yatim 2010). Kedatangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu mula memperlihatkan budaya pengebumian dan mereka tidak lagi mengamalkan upacara pembakaran mayat. Upacara pembakaran mayat berlaku selepas kemasukan Buddha hingga akhir kebudayaan Hindu. Oleh sebab itu tidak terdapat sebarang perkuburan ditemui yang sepanjang awal abad ke-3 Masihi hingga akhir 13 Masihi. Ini dapat dibuktikan dengan penulisan daripada sumber Cina seperti *Hai-Yu* yang menyatakan mayat akan diletakkan di atas papan atau kayu kemudian dibakar sehingga esok hari semua tulang telah menjadi debu (Willem 1876:128).

Perkuburan Islam lama boleh dikenal pasti melalui batu nisan yang diletakkan sebagai tanda makam. Peletakan tanda pada perkuburan masyarakat Melayu selepas upacara pengebumian berlaku diyakini bermula selepas kedatangan Islam iaitu abad ke-14 Masihi. Pada peringkat awal sesudah seseorang itu meninggal dunia, batu sungai atau batu gunung atau pun laterit akan diletakkan di atas perkuburan tersebut untuk memudahkan keluarga si mati mengenal kubur tersebut. Batu ini akan dihias dan diukir mengikut kemampuan keluarga si mati. Bagi keluarga yang berada, kemungkinan batu tersebut dihias dan diukir oleh pengukir yang diupah. Sejak kemasukan Islam, setiap perkuburan orang Islam telah mempunyai tulisan khat jawi dan ia menjadi warisan sehingga kini. Penggunaan batu tanda sebagai penanda kawasan pengebumian telah dinyatakan oleh John Davis, seorang pelaut yang berada di Aceh pada tahun 1599 (Samuel 1905)

As touching their burials, every generation or Kinred have their particular place to burie their dead, which is in the fields. They lay the corps with the head towards Mecha, having a free stone at the head and another at the feet curiously wrought, thereby signifying the worbinesse of the person.

Kaedah pemakaman raja-raja tidak ditulis dengan jelas adat istiadatnya. Jika dilihat kepada beberapa hikayat yang ada menulis tentang kematian raja-raja, penulis hanya akan menyatakan baginda sultan dimakamkan dengan kaedah pemakaman raja-raja yang patut baginya. *Undang-undang Melaka* memberikan maklumat berkenaan hukum kematian rakyat jelata, orang besar dan pemimpin, khususnya larangan berkaitan penggunaan payung dan warna kuning (Liaw 1976:68). Namun terdapat beberapa sumber yang ada menulis tentang kaedah pemakaman dengan lebih terperinci seperti yang ditulis dalam *Adat Raja-raja Melayu* yang mengandungi kisah mengenai adat yang dilakukan semasa kemangkatan seorang raja. Walaupun teks ini ditulis 300 tahun selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka, isi kandungannya sangat meyakinkan, tambahan pula kerana adat yang diikuti di Melaka dan kesultanan lain di Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat beberapa perincian tentang batu nisan yang sangat menarik. Batu nisan diukir oleh tukang tempatan yang mahir. Daripada gambaran yang diberikan, makam Sultan Melaka telah menggunakan batu nisan jenis Batu Aceh. Tambahan pula, tulisan yang dipahat pada batu nisan tersebut telah diwarnakan dengan pelbagai warna juga disebut dalam teks tersebut.

Selain daripada teks *Adat Raja-raja Melayu*, teks *Bustan al-Salatin* juga ada menceritakan tentang istiadat pengebumian raja. Sultan Iskandar Thani sewaktu memerintah Aceh telah memerintahkan agar menghantar batu nisan ke Pahang untuk memberi tanda kepada kerabat baginda:

Pergi kita sekalian ke negeri Pahang membubuh batu akan Paduka Marhum Yang Mulia sekaliannya. Setelah itu maka badarat yang dimuliakan Allah S.W.T. pun berangkatlah ke Kuala Nur Selawat menggentatkan batu Paduka Marhum Yang Maha Mulia itu, diarak dengan segala bunyi-bunyian, dan beberapa ratus payung, dan cogan, dan panji-panji, dan alam senjata. Setelah datang ke Nur Selawat lalu dinaikkan kepada ghorab yang besar-besar itu. [sampai ke negeri Pahang]Maka Raja Nisyan pun dinaikkan oranglah ke negeri Pahang. Maka dikerjakan Orang Kaya Seri Maharaja seperti ada sabda Yang Maha Mulia itu, tiada dilaluinya. Dan dijaga empat puluh bari empat puluh malam. Dan dibuatkan beberapa buah keratan dan beberapa puluh raja aad-diraja, dan diarak dengan segala bunyi-bunyian seperti adat menanamkan batu segala raja-raja yang besar-besar. Dan didirikan kenduri Paduka Marhum Yang Maha Mulia itu seperti yang tersebut kemuliaan segala raja-raja yang telah lalu itu pada masa dabulu kala wallabu'alamu'.

Selain daripada kisah mengenai penghantaran batu nisan tersebut ke negeri Pahang, terdapat juga kisah mengenai pembuatan batu nisan tersebut. Fakta mengenai batu nisan yang dibuat selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani di Aceh pada tahun 1641 adalah seperti berikut:

...tatkala tujuh barilah lamanya Paduka Marhum Dar- al-Salam sudah mangkat, maka Paduka Seri Sultan Tajul Alam Safiatuddin Syah Berdaulat z'il Allah fil alam pun memberi titah kepada penghulu sida mengadap bergelar Raja Udahna Lela

Panggilkan kita kejuruan batu, Raja Indera Busana! Maka Raja Indera Busana pun datang. Maka sabda Yang Maha Mulia, 'kamu perbuat akan daku Raja Nisyan Marhum Dar al-Salam tujuh parsegi, demikianlah perbuatnya! Bahawa kehendak hatiku yang belum lagi diperbuat raja-raja dahulu kala'. Maka diperbuatnyalah Raja Nisyan itu dengan kesudah-sudahan pengetahuannya, tiadalah lagi bersalahan seperti sabda Yang Maha Mulia itu. Maka sabda Hadarat Yang Maha Mulia kepada kejuruan pandai emas dan kejuruan pandai suasa, 'kamu salup Raja Nisyan itu dengan emas berpermata, jangan bersalahan dengan pabat batu itu, dan tatabkan dengan ratna mutu manikam!' Maka diperbuat mereka itulah seperti sabda Yang Maha Mulia itu. Maka beberapa daripada permata yang besar-besar harganya daripada jenis pudi, dan yakut, dan pirus, dan zamrud, dan baiduri, dan zabarjad, dan nila kandi, dan nilam pulam pusparagam, dan beberapa daripada metia, dan intan, dan manikam yang tiada terbahagikan dikenakan pada Raja Nisyan itu. Maka Raja Setia, dan Raja Indera Segara, dan segala pandai emas, bekerjalah seperti sabda Yang Maha Mulia itu.

Berdasarkan catatan Nuruddin al-Raniri dalam *Bustan al-Salatin* yang siap ditulis pada 1640, terdapat beberapa fakta yang ingin diketengahkan bagi melihat peranan Batu Aceh sebagai bukti keIslaman raja-raja Melayu (Perret et al. 1999). Pertamanya adalah sudah terbukti bahawa batu nisan jenis Batu Aceh telah dihantar ke Semenanjung sekurang-kurangnya pada abad ke-17. Ini menjadi persoalan adakah semua batu nisan jenis batu Aceh dibawa daripada Aceh atau Sumatra Utara? Jika benar memang berasal daripada Aceh, adakah batunya diukir di kawasan utara Sumatra atau di sekitar kawasan pengebumian? Jika diukir di luar utara Sumatra, sejak bila dan dari manakah asal usul tukangnyanya? Jika diteliti teks *Adat Raja-raja Melayu* menunjukkan terdapatnya tukang batu Aceh di Semenanjung. Pemerhatian yang dilakukan oleh Perret et al. (1999) mendapati terdapatnya ukiran yang belum siap pada batu nisan. Selain itu terdapat juga makam yang sesetengah Batu Acehnya berukir dan ada yang tidak berukir. Keadaan yang tidak sama ini diandaikan bahawa terdapat sebahagian batu Aceh yang dibawa daripada utara Sumatra manakala sebahagian lain diukir di Semenanjung.

Keduanya, jika bersandarkan kepada teks *Bustan al-Salatin*, batu nisan telah dihias dengan emas, permata dan suasa. Tetapi jika dilihat batu nisan Aceh yang ditemui pada masa kini, batu nisan tersebut sudah hilang ataupun sudah tidak lengkap lagi. Ini juga boleh dibuat andaian batu nisan yang sudah tidak lengkap ini sama ada telah hilang atau bahagian hiasan telah diambil individu yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, batu nisan ini juga memberi suatu kesan mengenai pentarikan sesuatu makam. Ini kerana apabila Sultan Iskandar Thani menunjukkan bahawa batu nisan yang menandai satu makam bukanlah batu nisan asal. Penggantian batu nisan asal boleh membawa kekeliruan sekiranya terdapat suatu julat masa tertentu yang panjang di antara pengebumian asal dengan tarikh meletak batu nisan baharu. Dalam teks *Adat Raja-raja Melayu* menyatakan sebatang nisan sementara akan ditanam semasa upacara pengebumian dan batu nisan sebenar yang tetap akan ditanam sebulan selepas itu mengikut upacara yang tertentu. Namun mungkin terdapat keadaan di mana batu nisan tetap terpaksa dihasilkan dalam tempoh yang lama selepas pengebumian. Boleh juga terjadi batu nisan asal telah ditukarkan kepada batu nisan lain disebabkan nisan lama yang rosak atau batu nisan baharu kelihatan lebih cantik. Oleh yang demikian, pentarikan batu Aceh tidak dapat dikenal pasti tanpa mengkaji sebanyak mungkin batu nisan yang mewakili jenis tersebut di pelbagai kawasan. Jika terdapat tulisan pada batu nisan, kajian epigrafi yang terperinci dan mendalam mungkin dapat mengesan perbezaan zaman di antara waktu kematian dan waktu pahatan tulisan di batu nisan.

Batu Aceh yang digunakan sebagai batu penanda tanah perkuburan masyarakat lampau merupakan salah satu artifak yang boleh menceritakan sejarah lampau sesebuah kawasan. Nisan ini dipanggil batu Aceh oleh kerana dipercayai hasil daripada suatu tradisi yang berasal daripada Sumatera Utara mulai abad ke-13 Masihi. Batu Aceh dapat dibezakan daripada batu nisan jenis lain mengikut bentuk dan hiasannya. Batu nisan milik Sultan Malik al-Salih, sultan yang memerintah kerajaan Samudera-Pasai, timur laut Sumatra merupakan batu Aceh tertua yang telah dikenal pasti. Samudera-Pasai ini terletak dalam wilayah Aceh sekarang. Batu nisan Sultan Malik al-Salih ini

bertarikh Ramadhan 696 H bersamaan 1297 Masihi. Terdapat kemungkinan bahawa telah banyak makam dengan menggunakan Batu Nisan Aceh ini telah hilang sama ada batu nisannya telah rosak atau dialih orang. Namun, tinggalan batu nisan ini yang masih boleh dilihat telah memberikan kesimpulan awal bahawa batu nisan jenis batu Aceh telah digunakan untuk menanda kawasan perkuburan makam diraja, kaum kerabatnya serta pembesar kerajaan selain daripada ulama-ulama yang datang menyebarkan Islam di Nusantara.

Selain boleh didapati dari tempat asalnya iaitu Aceh, terdapat juga beberapa kawasan lain yang mempunyai tinggalan batu Aceh ini. Tradisi kesenian Batu Aceh sebenarnya telah tersebar secara meluas dari Aceh sehinggalah ke utara Semenanjung Malaysia termasuk Patani hingga ke Maluku dan sehingga Kepulauan Sulu termasuk Sumatera, Jawa dan Borneo. Pattani, Malaysia, Indonesia dan Brunei. Indonesia merupakan negara yang paling banyak dijumpai batu nisan ini dan dianggarkan hampir lima ribu buah telah ditemui. Di Pattani dan Brunei pula mungkin terdapat beberapa buah oleh sebab batu nisan ini hanya diperuntukkan untuk menanda makam sultan atau kerabat istana. Batu Aceh tertua boleh didapati di Semenanjung Malaysia mengikut Kamaruddin (2008: 241) dan Perret et al. (1999:125-128) pada tahun Ogos atau September 1453 di Sayong Pinang, Johor iaitu al-Marhum Mansur. Selain itu, terdapat banyak lagi Batu Aceh yang telah ditemui dan dikumpulkan maklumatnya oleh sarjana tempatan dan luar negara yang boleh dirujuk di dalam Perret et al. (2004).

Batu Aceh merupakan suatu bentuk tinggalan tradisi Islam yang sangat bermakna bagi kawasan Nusantara. Bahan bagi membuatnya adalah daripada sebuah blok batu lembut, mudah patah dan haus. Jumpaan batu nisan jenis Batu Aceh lebih banyak ditemui berbanding batu nisan jenis lain di kawasan Semenanjung Malaysia. Di Semenanjung Malaysia sahaja, hampir 400 buah Batu Aceh telah berjaya dikesan. Daripada jumpaan Batu Aceh yang banyak ini, ditambah pula dengan kurangnya peninggalan budaya Islam yang lain di sesuatu kawasan, dapatlah dibuat suatu andaian sebagai artifak dan sumber rujukan sejarah yang penting terutama sejarah Islam di kawasan tersebut. Keunikan tinggalan sejarah dalam bentuk batu nisan jenis Batu Aceh adalah melalui tulisan yang terdapat di permukaan batu nisan. Ini dapat memberi maklumat berkenaan orang yang dikebumikan dan tarikh orang tersebut meninggal dunia. Namun, Othman (1988: xxix) menyatakan batu nisan ini kebanyakannya telah terdedah kepada cuaca tropika dalam masa yang lama ditambah lagi dengan batu Aceh dibuat daripada jenis batu pasir yang lembut. Akibat daripada tindakan alam ini menyebabkan kebanyakan ukiran pada permukaan batu nisan sudah haus dan tidak dapat dibaca lagi. Ini menyebabkan kehilangan maklumat terpenting yang diukir pada permukaan batu nisan.

Kamaruddin (2008) juga menyatakan bahawa dengan melihat kepada bentuk batu nisannya, dapat diketahui falsafah hidup yang didukung oleh orang yang meninggal ketika itu. Falsafah masyarakat yang diwakili oleh pengukir batu Aceh juga dapat ditonjolkan dengan seni ukiran nisan. Pembuatan batu nisan dengan kualiti yang tinggi adalah disebabkan batu nisan ini digunakan untuk pemakaman keluarga diraja. Mutu yang tinggi dengan kepelbagaian corak dan bentuk serta kekayaan hiasan menjadikan Batu Aceh merupakan tinggalan warisan Islam yang luar biasa untuk kajian berkenaan sejarah Islam pada umumnya dan boleh memahami perkembangan sejarah kesenian Islam khususnya di kepulauan Melayu.

Kehalusan Seni khat dan ragam hias arabes, orgamik dan geometrik telah dapat dikesan dalam makam-makam dan nisan di raja sejak kerajaan Melayu-Pasai (abad ke-12 Masihi) dan terus tersebar luas ke seluruh wilayah Semenanjung dan kepulauan Melayu lainnya seperti kepulauan Riau dan Sulawesi sepanjang abad ke-15 (Zainon Ismail 2004). Secara khususnya hanya batu nisan Aceh sahaja di Semenanjung Tanah Melayu yang boleh diberi pentarikhan awal kedatangan Islam. Ini kerana batu nisan Aceh ini mempunyai sejarah asal-usul tempatnya dan persamaan di negara Aceh. Malah batu nisan Aceh ini dipertukangkan khas untuk pusara-pusara kerabat diraja Melayu sekitar abad ke-14 atau ke-15 Masihi. Pada asalnya ia dipertukangkan di Aceh kemudian pada zaman kesultanan Melayu Melaka ia telah dipertukangkan di Melaka.

Kedatangan Islam ke negeri Kedah boleh dilihat daripada sudut bukti artifak arkeologi. Batu nisan jenis Batu Aceh merupakan artifak yang sangat membantu dalam menentukan kedatangan

Islam kerana kebanyakan batu nisan mempunyai tarikh. Seperti yang telah dinyatakan bahawa kedatangan Islam ke Kedah adalah seawal abad pertama Hijrah iaitu abad ke-7 Masihi. Namun bukti pengislaman masyarakat setempat tidak dapat dibuktikan kerana ketiadaan jumpaan makam oleh masyarakat tempatan.

Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa ada menyebut tentang seorang Raja Kedah yang diIslamkan oleh Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad bin Sheikh Jaafar Qaumiri dan memakai gelaran Sultan Muzaffar Syah. Tarikh pengislamannya adalah pada tahun 531 H (1136 M) dan mangkat pada 575 H (1179 M). Makam Sultan Muzaffar Shah tersebut berada di Kampung Langgar, Merbok, Kedah. Namun, kebenaran tarikh kemangkatan baginda sukar untuk dibuktikan kerana tiada tulisan atau tarikh terukir di batu nisan tersebut. Jika diperhatikan pada bentuk batu nisan pada makam baginda tersebut, ia bukanlah batu nisan Aceh jenis yang terawal, sebaliknya nisan Aceh abad ke-17. Nisan bagi jenis yang sama boleh dilihat pada beberapa makam lama yang lain seperti Kompleks Makam Diraja, Langgar, Alor Setar, Kedah dan beberapa kawasan makam Islam di sekitar Banda Aceh (Othman & Abd. Halim 1990). Pandangan ini adalah berdasarkan kepada kajian Othman Yatim pada 1988.

Menurut Othman Yatim (1988), batu nisan berbentuk *slab* merupakan batu nisan yang lebih awal berbanding daripada batu nisan berbentuk tiang. Perubahan bentuk batu nisan ini telah berlaku pada 1520-an apabila munculnya kerajaan Aceh. Beliau menyatakan tiada batu nisan berbentuk tiang di kawasan Samudera-Pasai yang telah menjadi jajahan Aceh pada 1524. Batu nisan *slab* jenis A dan B telah dibuat di Pasai sahaja dan kedua-dua jenis ini telah dibawa ke Semenanjung Tanah Melayu sebelum 1511. Beliau menambah batu nisan jenis baru telah memasuki Semenanjung Malaysia menggantikan jenis A dan B selepas perebutan Melaka oleh orang Portugis.

Pada tahun 1982, semasa Dr. Othman Yatim memeriksa beberapa buah ketul pecahan batu candi yang tersimpan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, beliau telah menemui seketul batu pejal berukuran 37 cm X 19 cm. Pada batu tersebut beliau telah mendapati terdapat tulisan semacam tulisan Arab atau huruf Jawi. Batu tersebut dibawa ke Muzium Negara untuk dilakukan penelitian lanjut. Daripada penelitian yang dilakukan oleh kumpulan penyelidikan, tulisan tersebut merupakan memang tulisan Arab yang ditulis Ibnu Sardan. Di hujung tulisan tersebut pula terdapat angka juga dalam tulisan Jawi iaitu 213. Jika benar angka tersebut merujuk kepada tahun Hijrah, ini menunjukkan bahawa batu bertulisan tersebut telah dipahat pada tahun tersebut dalam abad ke-9. Namun, apa yang menjadi persoalan adalah apakah fungsi batu tersebut? Sukar untuk memastikan apakah batu Ibnu Sardan tersebut merupakan sebahagian daripada batu nisan yang dipasang pada sebuah makam yang menggunakan nama Ibnu Sardan. Mungkin juga batu tersebut merupakan sebuah piagam untuk memperingati sesuatu peristiwa penting setempat. Batuan tersebut juga mungkin suatu rakaman terhadap peristiwa, kejadian atau tragedi yang mempunyai kaitannya dengan individu yang menggunakan nama Ibnu Sardan.

Jumpaan batu yang diukir dengan nama Ibnu Sardan merupakan suatu yang menarik kerana boleh dibuat suatu hubungan dengan kenyataan yang diberikan oleh Syed Naquib al-Attas berkenaan penghijrahan orang Arab dan Parsi dari Cina ke Palembang dan Kedah pada abad ke tujuh hingga abad ke sembilan Masihi. Kemungkinan juga Ibnu Sardan ini merupakan seorang pendakwah yang datang dari Timur Tengah untuk menyebarkan syiar Islam. Menurut Othman Yatim (1990: 41), nama Ibnu Sardan merupakan satu nama keluarga orang Arab terdiri daripada cendekiawan yang juga merupakan ahli pelayaran ke seluruh dunia sama ada sebagai saudagar barangan ataupun pedagang. Di samping mereka menjalankan pekerjaan berdagang, keluarga ini turut menyebarkan ajaran dan dakwah Islam bawaan Nabi Muhammad SAW. Kedatangan Islam melalui batu tanda berukir nama Ibnu Sardan ini mungkin disebabkan kegemilangan kawasan Lembah Bujang sebagai satu kawasan pelabuhan yang menghubungkan antara pedagang yang datang dari Cina, Gujerat, India, Parsi dan juga Arab. Walaupun dapat diketahui pada masa itu agama Buddha-Hindu bertapak kuat di kawasan Lembah Bujang namun, pengamalan agama lain tidak ditegah oleh penguasa tempatan. Terdapat persamaan konsep kebebasan beragama ini seperti di kerajaan Majapahit di Jawa. Disebabkan pengamalan dan juga mungkin terdapat sedikit sebanyak penyebaran dakwah Islam oleh keluarga Ibnu Sardan, tidak mustahil pada waktu ini masyarakat

tempatan telah mengenal serta melihat amalan-amalan dalam Islam. Oleh yang demikian, apabila kemasukan Islam secara terus yang dibawa oleh Sheikh Abdullah, raja waktu itu dapat menerima dengan mudah ajaran Islam dan dapat menyebarkannya kepada rakyat jelata.

Selain daripada batu berukir Ibnu Sardan tersebut, terdapat sebuah lagi batu nisan yang bertariikh dijumpai di Kedah yang terletak di kawasan perkuburan Kampung Tanjung Inggeris, Langgar. Pada permukaan nisan tersebut terukir nama Syeikh Abdul Kadir Husain al-Yarah dan juga tahun 219 Hijrah (903 Masihi). Namun, ukiran angka tersebut sudah tidak begitu jelas dan boleh dipertikaikan oleh para sarjana kerana berkemungkinan sebahagian daripada ukiran angka sudah patah atau terhakis. Tetapi, jika diandaikan angka tersebut benar, sebuah lagi artifak tua yang membuktikan kedatangan Islam pada abad kesepuluh telah ditemui. Artifak ini boleh dijadikan sebuah bukti yang jelas berkenaan kedatangan Islam di Nusantara ini. Kehadiran Syeikh Abdul Kadir Husain al-Yarah ini telah membuktikan adanya pengaruh Islam telah bertapak sejak awal lagi. Mungkin kedatangan Syeikh ini melalui jalan perdagangan namun seperti yang diketahui dakwah menyebarkan agama Islam merupakan suatu kewajiban kepada setiap umat. Tiada bukti yang jelas berkenaan perubahan masyarakat tempatan kepada agama Islam kerana masih kurang makam-makam Islam abad ke sepuluh hingga abad ke-13 tetapi dapat diketahui ajaran Islam pasti disebarkan oleh Syeikh ini dan pengikutnya di kawasan Kedah. Ini juga telah mencukupi bagi memperlihatkan keindahan Islam dengan amalan sehariannya kepada masyarakat tempatan supaya pada masa akan datang jika tibanya Islam, mereka tidaklah terasa agama Islam itu sesuatu yang sangat janggal.



Gambar 4. Batu Nisan Aceh yang ditemui sekitar Semanjung Malaysia
Sumber: Koleksi Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM

Kesimpulan

Penglibatan masyarakat Melayu dalam kepercayaan agama di Semenanjung Tanah Melayu memberi satu pengertian yang besar dalam jati diri masyarakat Melayu itu sendiri. Penghormatan terhadap sebarang bentuk keagamaan bukan saja wujud sewaktu kedatangan Islam malahan ia telah berlangsung semenjak awal abad Masihi. Penyerapan agama-agama besar dunia seperti Buddha, Hindu dan Islam menunjukkan masyarakat luar begitu tertarik dengan keperibadian masyarakat Melayu itu sendiri sehingga mereka bebas bergerak untuk berdakwah. Sehingga ke hari ini penghormatan masyarakat Melayu terhadap apa jua bentuk keagamaan yang mengajak kepada kebaikan masih lagi utuh tanpa ada pandangan rasis terhadap penganut yang ada di Malaysia sehingga ke hari ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 1981. *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*. Sabah: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah.
- Adi Taha, 1985. The re-excavation of the rock shelter of Gua Cha, Ulu Kelantan, West Malaysia. *Federated Museum Journal* 30 (New Series): 1-135.
- Adi Taha, 2007. Archaeological investigation in Ulu Kelantan, Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Australia National University.
- Al-Attas, Syed M.N. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Braddel, Rolland. 1950. A Study of ancient times in the Malay Peninsula and the straits of Malacca. *JMBRAS* 23(1): 1-36.
- Evans I.H. N. 1932. Excavation at Tanjung Rawa, Kuala Selinsing, Perak. *Journal of Federated Malay States Museum* 15(5): 179-134.
- Haji Ibrahim Ismail. 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Kedah: Penerbit UUM.
- Hall, K.R. 1985. *Maritime trade and state development in early Southeast Asia*. Sydney: George Allen & Unwin.
- Kamaruddin Abdul Razak. 2008. Makam bersejarah di Lembah Bujang dalam konteks makam di Kedah. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi (pnyt.). *Lembah Bujang dari Perspektif Arkeologi dan Pelancongan*. Bangi: Institut Alam & Tamadun Melayu.
- Lamb, Alastair 1961a. The Stone pillar base in the architecture of ancient Kedah. *Federated Museum Journal* 6: 39-47.
- Lamb, Alastair. 1960. Report on the excavation and reconstruction of Chandi Bukit Batu Pahat, Central Kedah. *FMJ* 5: X-108.
- Liaw Yock Fang (pnyt.). 1976. *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff
- Mohd Supian Sabtu. 1998. Zaman Hindu-Buddha di Lembah Bujang: Satu Penilaian Berdasarkan Data Arkeologi. Tesis Sarjana. Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Mohd Yusof Abdullah. 2010. Zaman Hoabinhain: Tamadun Awal di Terengganu. Dlm. *Penanda Arasan Penyelidikan Arkeologi di UKM*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA): 89-103.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2008. Archeological Evidences of Early Settlements in the Malay Peninsula. *Proceedings of International Conference on Human Habitat and Environmental Change*, 3-4 December, Bangi: Institute of the Malay world and Civilization (ATMA), UKM & Environmental Management Society (EMS), Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2004. *Arkeologi Pra-Islam Pesisir Selat Melaka: Evolusi atau Migrasi*. (Siri Syarahan Perdana UKM). Bangi: Penerbit UKM.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Mohd Yatim. 1990. *Antiquities of Bujang Valley*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia & Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Hassan. 1988. *Encyclopedia of Malaysia: Early History*. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Hassan. 1987. *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah Di Malaysia*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negari Kelantan.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Hassan. 1984. Art, Archaeology and the Early Kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatra: c 400-1400 A.D. Tesis PhD. University of London.
- Nilakanta Sastri. K.A. 1949. *South Indian influences in the Far East*. Bombay: Hind Kitabs.
- Othman Mohd Yatim. 2010. Batu Aceh dan hubung kait dengan penyelidikan arkeologi di Malaysia. Dlm. *Penanda Arasan Penyelidikan Arkeologi di UKM*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA): 55-61.
- Othman Mohd Yatim & Abdul Halim Nasir. 2007. *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Yatim & Abdul Halim Nasir. 1990. *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa & Pustaka.
- Othman Mohd Yatim. 1988. *Batu Aceh. Early Islamic Gravestone in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Perret, Daniel, Kamaruddin Abdul Razak & Kalus, Ludvik. 2004. *Batu Aceh Johor Dalam Perbandingan*. Johor Baru: Yayasan Warisan Johor / EFEO.

- Perret, Daniel, Kamaruddin Abdul Razak & Kalus, Ludvik. 1999. *Batu Aceh Warisan Sejarah Johor*. Johor Baru: Yayasan Warisan Johor / EFEO.
- Quaritch Wales. H.G. 1940. Archeological research on ancient Indian colonization in Malaya. *JMBRAS* 18(1): 1-85.
- Rauf, M.A. 1967. *Ikhtisan Agama Islam & Hubungannya yang Khusus dengan Malaya*. Kuala Lumpur: OUP (71).
- Samuel Purchas (eds.). 1905. John Davis the navigator. Dlm. *Purchas, His Pilgrimes II*. Glasgow: James MacLehose & Sons.
- Sieveking, G. De G. 1954. Excavation at Gua Cha, Kelantan, 1954. Part 1. *Malayan Historical Journal* 1-2: 75-138.
- Siti Zainon Ismail. 2004. *Warisan Seni Budaya Melayu - Aceh: kaitan pemerian teks dan realiti budaya*. *Jurnal Melayu* 1: 77-99.
- Willem Pieter Groeneveldt. 1876. *Notes on the Malay Archipelago and Malacca Compiled from Chinese Sources*. Batavia: VBG 39.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi. 2012. *Zaman Proto Sejarah Di Malaysia Satu. Pengenalan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliskandar Ramli. 2012. *Proses Akulturasi Budaya India dan transformasi Ilmu Masyarakat Melayu Kedah Tua Berdasarkan Data Arkeologi Dan Kajian Sainstifik*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Termizi Hasni,
Institute of the Malay World and Civilization (ATMA),
National University of Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: termizi_hasni@yahoo.com

Muhamad Shafiq Mohd Ali
Science Officer
Institute of the Malay World and Civilization (ATMA),
National University of Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: muhdshafiq@ukm.edu.my

Zuliskandar Ramli (Ph.D)
Deputy Director/Associate Professor
Institute of the Malay World and Civilization (ATMA),
National University of Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: ziskandar2109@gmail.com

Received : 18 November 2017

Accepted : 4 December 2017